



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KOSA
KATA *SUNDAIT* BAHASA KADAZANDUSUN
DI PERINGKAT SEKOLAH
RENDAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PATRICK BIN JOLIUS

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KOSA KATA
SUNDAIT BAHASA KADAZANDUSUN
DI PERINGKAT SEKOLAH
RENDAH**

PATRICK BIN JOLIUS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 9/9/2025

Perakuan Pelajar:

Saya, PATRICK BIN JOLIUS, M20211000161, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KOSA KATA SUNDAIT BAHASA KADAZANDUSUN DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejujurnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR ROSLIAH KITING dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KOSA KATA SUNDAIT BAHASA KADAZANDUSUN DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (MOD PENYELIDIKAN)

9/9/2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia



UPSI/IPS-190/11
Form - 01 (Rev.11)



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN
TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk/Title: PEMBANGUNAN MODUL PENGAJARAN KOSA KATA SUNDAIT BAHASA
KADAZANDUSUN DI PERINGKAT SEKOLAH RENDAH

No. Matrik /Matric No: M20211000161

Saya/ PATRICK BIN JOLIJUS membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kodoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/ CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang bertajuk keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmii 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/ RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done

TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS

[Signature]

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

[Signature]

(Tandatangan PDR/DCS/Supervisor) & (Nama dan Nombor Kad Matrik)

Name & Official ID No. and Matric No. of Supervisor
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 9/8/2023

Nota: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT or TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak Tertanggungjawab, berkaitan dengan permohonan untuk salinan dan tempoh tempoh ini perlu diberikan sebagai SULIT dan TERHAD
Note: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Pujian dan syukur kepada Tuhan kerana atas berkatNya kajian ini berjaya disiapkan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat seperti berikut; Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi peluang dan kesempatan untuk saya melanjutkan pelajaran di bawah Program CBBPDB 2021. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang telah memberi ruang dan peluang untuk saya bernaung sebagai warga UPSI dan menyediakan tempat terbaik untuk saya melangkah maju dalam bidang ilmu. Penyelia dr. Rosliah Kiting atas bimbingan dan sokongan yang diberikan di sepanjang perjalanan pengajian saya. Perjalanan sukar yang dihadapi menjadi lebih mudah kerana pertolongan dan sokongan serta motivasi yang sentiasa diberikan. Pada kesempatan ini juga, saya merakamkan rasa terutang budi saya kepada Dr. Minah Sintian yang telah memberikan panduan dan saranan bermanfaat. Tidak dilupakan Dr. Juppri Bacotang yang turut bermurah hati berkongsi ilmu dan pandangan. Ucapan terima kasih dan rasa syukur saya tujukan juga kepada Dr. Henry Bating, Dr. Rosy Talin, Dr. Yabit Alas, Dr. Hanifah Sabin dan En. Victor Baga atas kesudian mereka sebagai penilai instrumen dan pengesah modul yang dibangunkan. Terima kasih kepada Puan Agnes George, guru BKD SK Tombovo, Puan Mouricia Kubot dan Cik Priscilla Gukim, guru BKD SK. Putaton Inobong Penampang yang sudi terlibat pada fasa kebolegunaan modul. Buat ibu tercinta Cecilia Atat, doa dan kasih sayang ibu sentiasa mengiringi perjalanan ini. Untuk Isteriku Helena Pejunis, dan anak-anak tercinta, Pierre, Nathaneille, Maria dan Marion, kalian menjadi bahagian penting bagi kejayaan ini. Akhir sekali, terima kasih kepada semua rakan seperjuangan yang turut sama membantu dan berkongsi ilmu di sepanjang kajian ini dijalankan.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangunkan Modul Kos Kata *Sundait* (M-KOKAS) di peringkat sekolah rendah. Kajian ini merangkumi tiga objektif utama, iaitu mengenal pasti keperluan, membangunkan, dan menilai kebolegunaan modul sebagai bahan bantu pengajaran kos kata. Kajian ini menggunakan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (PRP) berasaskan Model ADDIE. Data diperoleh melalui soal selidik, analisis dokumen dan temu bual guru, serta dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif dan tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 100% responden bersetuju dengan keperluan pembangunan modul. Dua modul telah dibangunkan, iaitu M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2, yang masing-masing mencapai pekali kesahan kandungan 0.99 berdasarkan penilaian pakar kandungan. Guru pelaksana menyatakan bahawa M-KOKAS mudah digunakan, menarik minat murid, dan sesuai diaplikasikan dalam pengajaran kos kata. Kesimpulannya, M-KOKAS telah berjaya dibangunkan sebagai bahan bantu mengajar yang efektif, autentik, dan berpaksikan budaya. Kajian ini membuktikan bahawa integrasi *sundait* dalam Pdp bukan sahaja memperkasa penguasaan kos kata, malah menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan kontekstual. Implikasinya, M-KOKAS berpotensi menjadi sumber rujukan utama dalam pengajaran kos kata sekolah rendah serta menyumbang kepada usaha pelestarian *sundait* sebagai warisan bahasa dan sastera tempatan dalam pendidikan formal.





DEVELOPMENT OF A *SUNDAIT*-BASED KADAZANDUSUN VOCABULARY TEACHING MODULE AT THE PRIMARY SCHOOL LEVEL

ABSTRACT

This study aims to develop the Sundait Vocabulary Module (M-KOKAS) at the primary school level. It outlines three main objectives: to identify the needs, to develop, and to evaluate the usability of the module as a vocabulary teaching aid. The study employed a Design and Development Research (DDR) approach based on the ADDIE model. Data were collected through questionnaires, document analysis, and teacher interviews, and analysed using descriptive and thematic analysis. The findings show that 100% of respondents agreed on the need to develop the module. Two modules were produced—M-KOKAS 1 and M-KOKAS 2—each attaining a content validity index (CVI) of 0.99 based on expert evaluation. Implementing teachers reported that M-KOKAS was easy to use, engaging for pupils, and suitable to be applied in vocabulary instruction. In conclusion, M-KOKAS was successfully developed as an effective, authentic, and culturally grounded teaching aid. This study demonstrates that the integration of sundait in teaching and learning not only strengthens vocabulary acquisition but also makes learning more meaningful and contextualised. The implication is that M-KOKAS has the potential to become a key reference source in vocabulary instruction at the primary level and contribute to the preservation of sundait as a local linguistic and literary heritage in formal education.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xvii
SENARAI RAJAH	xxi
SENARAI SINGKATAN	xxiii
SENARAI LAMPIRAN	xxiv
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Sejarah dan Perkembangan Pengajaran Bahasa Kadazandusun (BKD)	5
1.2.2 Transformasi Kurikulum BKD	6
1.2.3 Struktur Kurikulum BKD dan Fokus Pembelajaran	7
1.2.4 Kepentingan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam PdP BKD	10
1.2.5 Ringkasan Latar Belakang Kajian	12



1.3	Pernyataan Masalah	12
1.4	Objektif Kajian	16
1.5	Soalan Kajian	17
1.6	Kerangka Konseptual Kajian	18
1.6.1	Sandaran Teori	19
1.6.2	Model Pembangunan Modul	20
1.6.3	Kesimpulan	22
1.7	Kepentingan Kajian	23
1.7.1	Kepentingan terhadap Pelestarian Bahasa	24
1.7.2	Kepentingan terhadap Sistem Pendidikan	24
1.7.3	Kepentingan terhadap Sosiobudaya	24
1.7.4	Kepentingan kepada Pelajar	25
1.7.5	Kepentingan kepada Guru	25
1.7.6	Kepentingan kepada Ibu Bapa	26
1.7.7	Kepentingan kepada Penyelidik	26
1.8	Batasan Kajian	26
1.9	Definisi Operasional	28
1.10	Rumusan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	34
2.2	Latar Belakang Teori	34
2.2.1	Teori Pembelajaran Kognitif	37
2.2.1.1	Teori Piaget	39
2.2.1.2	Aplikasi Teori Pembelajaran Piaget	41
2.2.1.3	Teori Vygotsky	43

2.2.1.4	Aplikasi Teori Pembelajaran Vygotsky	44
2.3	Reka Bentuk Pembangunan	45
2.4	Model ADDIE	47
2.4.1	Analisis	48
2.4.2	Reka Bentuk	50
2.4.3	Fasa Pembangunan	51
2.4.4	Fasa Pelaksanaan	53
2.4.5	Fasa Penilaian	54
2.4.5.1	Kesahan Kandungan	56
2.4.5.2	Kebolegunaan Modul	57
2.5	Kepentingan Mempelajari Kosa Kata	57
2.5.1	Kosa Kata dan Kemahiran Bertutur	59
2.5.2	Kosa Kata dan Kemahiran Membaca	60
2.5.3	Kosa Kata dan Kemahiran Menulis	61
2.6	Kosa Kata Bahasa Kadazandusun	63
2.6.1	Kosa Kata dalam Pengajaran Bahasa Kadazandusun	64
2.6.2	Analisis Kritis Kajian Lepas Berkaitan Keperluan Modul dan Reka Bentuk Pengajaran Kosa Kata BKD	66
2.7	Teka-teki, <i>Riddle</i> dan <i>Sundait</i>	69
2.7.1	Pengelasan <i>Sundait</i>	71
2.7.1.1	Pengelasan Berdasarkan Pendekatan Kajian Terdahulu	71
2.7.1.2	Pengelasan Berdasarkan Bentuk dan Fungsi	72
2.7.2	Penciptaan <i>Sundait</i> Kadazandusun	73

2.7.3	Fungsi <i>Sundait</i>	76
2.7.4	Kosa Kata <i>Sundait</i> Kadazandusun	79
2.8	Kajian-kajian Berkaitan Karya Sastera Bahasa Kadazandusun	81
2.8.1	Kajian Sudawil (Pantun)	82
2.8.2	Kajian Hiis (Puisi Tradisional)	82
2.8.3	Kajian Tala'la (Puisi)	83
2.8.4	Kajian <i>Sundait</i> (Teka-Teki)	83
2.8.5	Kajian Tangon (Cerita Rakyat)	84
2.9	<i>Sundait</i> dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Kadazandusun	85
2.9.1	Elemen Seni Bahasa dalam PdP	86
2.9.2	<i>Sundait</i> dalam DSKP dan Buku Teks Bahasa Kadazandusun	89
2.10	Teka-teki dan <i>Riddles</i> dalam Pengajaran dan Pembelajaran: Kajian Luar Negara	91
2.11	Rumusan	95

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	97
3.2	Reka Bentuk Kajian	98
3.2.1	Fasa 1: Analisis Keperluan (Fasa Analisis – Model ADDIE)	102
3.2.2	Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan (Fasa Reka Bentuk & Pembangunan – Model ADDIE)	104
3.2.2.1	Reka Bentuk Modul (Fasa Reka Bentuk– Model ADDIE)	105
3.2.2.2	Pembangunan Modul (Fasa Pembangunan– Model ADDIE)	105

3.2.3	Fasa 3: Pelaksanaan dan Penilaian Modul (Fasa Implementasi & Evaluasi – Model ADDIE)	107
3.2.3.1	Pelaksanaan (Fasa Implementasi – Model ADDIE)	107
3.2.3.2	Penilaian (Fasa Evaluasi – Model ADDIE)	108
3.3	Populasi Kajian	110
3.4	Persampelan Kajian	111
3.4.1	Fasa 1: Analisis Keperluan	112
3.4.2	Fasa 2: Reka Bentuk Modul	115
3.4.3	Fasa 3: Pembangunan Modul dan Penilaian Pakar	115
3.4.4	Fasa 4: Pelaksanaan Modul	118
3.4.5	Fasa 5: Penilaian Modul	119
3.5	Instrumen Kajian	120
3.5.1	Fasa 1: Analisis Keperluan (ADDIE – <i>Analysis</i>)	120
3.5.2	Fasa 2: Reka Bentuk Modul (ADDIE – <i>Design</i>)	124
3.5.3	Fasa 3: Pembangunan Modul (ADDIE – <i>Development</i>)	124
3.5.3.1	Borang A: Soal Selidik Kesahan Kandungan Instrumen Penilaian Modul M-KOKAS	124
3.5.3.2	Borang B: Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul M-KOKAS	126
3.5.4	Fasa 4: Pelaksanaan Modul (ADDIE – <i>Implementation</i>)	127
3.5.5	Fasa 5: Penilaian Modul (ADDIE – <i>Evaluation</i>)	128
3.5.5.1	Inventori Protokol Temu Bual	129
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	130

3.6.1	Fasa 1: Analisis Keperluan	131
3.6.2	Fasa 2: Reka Bentuk	133
3.6.3	Fasa 3: Pembangunan	133
3.6.4	Fasa 4: Pelaksanaan	135
3.6.5	Fasa 5: Penilaian	136
3.7	Kaedah Penganalisan Data	137
3.7.1	Fasa 1: Analisis (<i>Analysis</i>)	137
3.7.2	Fasa 2: Reka Bentuk (<i>Design</i>)	138
3.7.3	Fasa 3: Pembangunan (<i>Development</i>)	138
3.7.4	Fasa 4: Pelaksanaan (<i>Implementation</i>)	140
3.7.5	Fasa 5: Penilaian (<i>Evaluation</i>)	140
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	142
3.8.1	Fasa 1: Analisis Keperluan	143
3.8.1.1	Kesahan Muka	143
3.8.1.2	Kesahan Kandungan	143
3.8.1.3	Kebolehpercayaan	157
3.8.1.4	Kajian Rintis	158
3.8.2	Fasa 2: Reka Bentuk	158
3.8.3	Fasa 3: Pembangunan Modul	159
3.8.3.1	Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul Pengajaran Kosa Kata <i>Sundait</i> Bahasa Kadazandusun di Peringkat Sekolah Rendah (M-KOKAS)	160
3.8.4	Fasa 4: Pelaksanaan	165
3.8.5	Fasa 5: Penilaian	166

3.9	Rumusan	167
-----	---------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	169
-----	------------	-----

4.2	Fasa Analisis Keperluan	170
-----	-------------------------	-----

4.2.1	Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata BKD Sekolah Rendah	170
-------	--	-----

4.2.2	Struktur dan Bentuk Modul	176
-------	---------------------------	-----

4.2.3	Kesesuaian Penerapan <i>Sundait</i>	184
-------	-------------------------------------	-----

4.3	Fasa Reka Bentuk	189
-----	------------------	-----

4.3.1	Penentuan Struktur dan Bentuk Modul	190
-------	-------------------------------------	-----

4.3.1.2	Penentuan Kriteria dan Kaedah Penerapan <i>Sundait</i>	204
---------	---	-----

4.3.1.3	Penciptaan <i>Sundait</i>	208
---------	---------------------------	-----

4.4	Fasa Pembangunan Modul	211
-----	------------------------	-----

4.4.1	Modul 1: <i>Sundait</i> Tayam (M-KOKAS-1)	213
-------	---	-----

4.4.2	Modul 2: <i>Sundait</i> Tanom (M-KOKAS-2)	214
-------	---	-----

4.4.3	Kesahan Kandungan Modul M-KOKAS daripada Ahli Pakar	216
-------	--	-----

4.4.4	Analisis Komen dan Cadangan Penambahbaikan daripada Pakar terhadap Modul M-KOKAS	227
-------	---	-----

4.4.5	Rumusan Analisis Komen Pakar Berdasarkan Tema	229
-------	--	-----

4.5	Fasa Pelaksanaan	232
-----	------------------	-----

4.6	Fasa Penilaian	233
-----	----------------	-----

4.6.1	Pandangan Guru BKD terhadap Kesesuaian M-KOKAS sebagai Bahan PDP Kosa Kata BKD Sekolah Rendah	235
-------	---	-----

4.6.2	Pandangan Guru BKD terhadap Kesesuaian Strategi PdP Kosa Kata yang diterapkan di dalam M-KOKAS	239
4.6.3	Pandangan Guru BKD terhadap Kesesuaian Struktur dan Bentuk M-KOKAS	242
4.6.4	Pandangan Guru BKD terhadap Fungsi <i>Sundait</i> di dalam M-KOKAS	248
4.7	Rumusan	252
BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN		
5.1	Pengenalan	255
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian: Fasa Analisis Keperluan	256
5.2.1	Mengenal Pasti Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata BKD	256
5.2.2	Keperluan Struktur dan Bentuk Modul	259
5.2.2.1	Keperluan Penerapan <i>Sundait</i> dalam Pengajaran Kosa Kata BKD	261
5.2.3	Rumusan	265
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian: Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	266
5.3.1	Reka Bentuk Kandungan Modul Berdasarkan Model ADDIE	267
5.3.2	Penilaian Kesahan Kandungan oleh Pakar	269
5.3.2.1	Analisis Kualitatif Komen Pakar terhadap M-KOKAS	271
5.3.3	Rumusan	274
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian: Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Modul	274
5.4.1	Kesesuaian Modul sebagai Bahan PdP Kosa Kata BKD	275

5.4.2	Kesesuaian Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kosa Kata	279
5.4.2.1	Kesesuaian Struktur dan Bentuk Modul	280
5.4.3	Fungsi <i>Sundait</i> dalam Modul	281
5.4.4	Rumusan	282
5.5	Sumbangan Kajian	283
5.5.1	Sumbangan terhadap Pembangunan Modul Bahasa Berasaskan Budaya	283
5.5.2	Sumbangan terhadap Pelaksanaan Pengajaran BKD di Sekolah Rendah	283
5.5.3	Sumbangan terhadap Pemupukan Minat dan Penyertaan Murid	284
5.5.4	Sumbangan terhadap Penyelidikan Pembangunan Modul Mengikut Model ADDIE	284
5.5.5	Sumbangan terhadap Dasar Pemuliharaan Bahasa dan Budaya Minoriti	284
5.6	Implikasi Dapatan Kajian	285
5.6.1	Implikasi terhadap Teori Pembelajaran Bahasa	285
5.6.2	Implikasi terhadap Reka Bentuk Instruksional	285
5.6.3	Implikasi terhadap Guru Bahasa Kadazandusun	285
5.6.4	Implikasi terhadap Pembangunan Bahan Berasaskan Budaya	286
5.6.5	Implikasi terhadap Polisi dan Kurikulum	286
5.7	Cadangan	286
5.7.1	Cadangan kepada Guru Bahasa Kadazandusun	287
5.7.2	Cadangan kepada Pusat Perkembangan Kurikulum	287
5.7.3	Cadangan kepada Pembina Modul Bahasa Ibunda	287

5.7.4	Cadangan kepada Penyelidik Akan Datang	288
5.7.5	Cadangan kepada Komuniti dan Institusi Warisan Budaya	288
5.7.6	Cadangan kepada Pembangun Teknologi Pendidikan	288
5.8	Penutup	289
	RUJUKAN	291
	LAMPIRAN	299

SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
2.1	Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata BKD Sekolah Rendah	67
2.2	Dapatan Kajian Lepas Berkaitan Struktur dan Reka Bentuk Modul	68
2.3	Perbandingan Proses Kognitif dalam Penciptaan dan Pemahaman <i>Sundait</i>	76
2.4	Contoh <i>Sundait</i>	78
2.5	Kosa Kata <i>Sundait</i> Kadazandusun Mengikut Tema	80
2.6	Kandungan DSKP KSSR BKD (Semakan 2017) bagi Pengajaran <i>Sundait</i>	89
2.7	Elemen Aktiviti Seni Bahasa <i>Sundait</i> pada Buku Teks BKD (Semakan 2017)	90
2.8	Ringkasan Kajian Luar Negara Berkaitan Penggunaan Teka-teki dalam PdP Bahasa	93
3.1	Penyelarasan PRP Ubah Suai Tiga Fasa dengan Model ADDIE dan Aktiviti Pembangunan Modul	100
3.2	Maklumat Demografi Guru-guru BKD Peringkat Kajian Rintis, Fasa Analisis Keperluan	113
3.3	Maklumat Demografi Guru-guru BKD Peringkat Kajian Sebenar, Fasa Analisis Keperluan	114

3.4	Maklumat Ahli Pakar A - Kesahan Kandungan Instrumen (Borang Soal Selidik Kesahan Kandungan M-KOKAS)	117
3.5	Maklumat Ahli Pakar B - Kesahan Kandungan Modul M-KOKAS	117
3.6	Maklumat Demografi Guru-guru BKD Peringkat Kajian Fasa Pelaksanaan dan Penilaian	119
3.7	Pembahagian Skor Mengikut Skala Likert	139
3.8	Instrumen Kajian dan Analisis Data Mengikut Soalan Kajian	141
3.9	Maklumat Latar Belakang Pakar Kesahan Instrumen Soal Selidik	144
3.10	Pengiraan Nilai Indeks Kesahan Kandungan (CVI)	145
3.11	Penambahbaikan Item Berdasarkan Cadangan Ahli Pakar	148
3.12	Nilai Alpha Cronbach Soal Selidik Fasa Analisis Keperluan	157
3.13	Pengiraan Nilai Indeks Kesahan Kandungan (CVI) instrumen Soal Selidik Kesahan Kandungan M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	160
4.1	Dapatan Analisis Dokumen terhadap Kandungan Kurikulum BKD berkaitan Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata BKD Sekolah Rendah	170
4.2	Dapatan Borang Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata BKD Sekolah Rendah (N = 59)	174
4.3	Dapatan Analisis Dokumen terhadap Kandungan Kurikulum BKD Berkaitan Aktiviti dan Latihan	176
4.4	Dapatan Borang Soal Selidik Analisis Keperluan Pembangunan Modul Terhadap Struktur dan Bentuk modul	182

4.5	Dapatan Analisis Dokumen terhadap Kesesuaian Penerapan <i>Sundait</i>	185
4.6	Dapatan Borang Soal Selidik Analisis Keperluan terhadap Kesesuaian Penerapan <i>Sundait</i>	187
4.7	Spesifikasi Modul M-KOKAS	195
4.8	Jadual Pemetaan Kandungan Aktiviti dan Latihan M-KOKAS, Modul 1: <i>Sundait</i> Tayam	199
4.9	Pemetaan Kandungan Aktiviti dan Latihan M-KOKAS: Modul 2 - <i>Sundait</i> Tanom	200
4.10	Ringkasan Spesifikasi Modul	212
4.11	Perbezaan Muka Surat Modul Versi Panduan Guru dan Pelajar	212
4.12	Skor Keseluruhan Kesahan Pakar dan Nilai S-CVI Modul bagi M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	217
4.13	Skor Kesahan Pakar bagi Konstruk Laang Momoguno (Langkah Penggunaan Modul) dalam M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	219
4.14	Skor Kesahan Pakar bagi Konstruk Nuut (Nota) dalam M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	220
4.15	Skor Kesahan Pakar bagi Konstruk Tema dan Tajuk Modul dalam M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	221
4.16	Skor Kesahan Pakar bagi Konstruk Bahasa dalam M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	222
4.17	Skor Kesahan Pakar bagi Konstruk Ilustrasi dalam M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	223
4.18	Skor Kesahan Pakar bagi Konstruk Aktiviti dan Latihan dalam M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	224



4.19	Skor Kesahan Pakar bagi Konstruk Penerapan <i>Sundait</i> dalam M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	225
4.20	Ringkasan Keseluruhan Mengikut Konstruk M-KOKAS 1 dan M-KOKAS 2	226
4.21	Rumusan Cadangan Penambahbaikan Pakar terhadap Modul Satu: <i>Sundait</i> Tayam	227
4.22	Rumusan Cadangan Penambahbaikan Pakar terhadap Modul Dua: <i>Sundait</i> Tanom	229
5.1	Dapatan Tinjauan Literatur Berkaitan Keberkesanan Penerapan <i>Sundait</i> dalam Pengajaran Kosa Kata	262
5.2	Ringkasan Komen Pakar terhadap M-KOKAS	273



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka KSSR (Semakan 2017) (Sumber daripada KPM, 2016)	4
1.2	Kerangka Konseptual Kajian	23
2.1	Model Reka Bentuk Instruksional ADDIE	48
2.2	Proses Penciptaan <i>Sundait</i>	74
3.1	Peringkat Reka Bentuk Model ADDIE	99
3.2	Reka Bentuk Kajian Pembangunan Modul M-KOKAS	102
3.3	Kerangka Metodologi Pembangunan Modul M-KOKAS	110
4.1	Contoh Struktur Modul.	191
4.2	Objektif Umum, Objektif Khusus, dan Keterangan Aktiviti Modul M-KOKAS	194
4.3	Panduan Penggunaan Modul M-KOKAS untuk Pelajar	196
4.4	Panduan Penggunaan Modul M-KOKAS untuk Guru	197
4.5	Contoh Gambar Haiwan dalam M-KOKAS	201
4.6	Contoh Gambar Tanaman dalam M-KOKAS	201

4.7	Contoh Elemen Tradisional (Basung dan Sompoton) dalam M-KOKAS	202
4.8	Nuut (Nota) dalam Modul M-KOKAS	204
4.9	<i>Sundait</i> sebagai Konsep Utama Modul yang Memaparkan Tiga Golongan Kosa Kata	206
4.10	Contoh Aktiviti Latihan Aplikasi Kosa Kata (boros maan dan boros ngaran) dalam Modul M-KOKAS	207
4.11	Contoh Proses Penciptaan <i>Sundait</i> Berdasarkan Subjek: Nama Binatang (Kara)	210
4.12	Contoh Proses Penciptaan <i>Sundait</i> Berdasarkan Subjek: Nama Tanaman (Tupolo)	210
4.13	Muka Hadapan Modul 1: <i>Sundait</i> Tayam, Panduan Guru	213
4.14	Muka Hadapan Modul 1: <i>Sundait</i> Tayam, Kegunaan Pelajar	214
4.15	Muka Hadapan Modul 2: <i>Sundait</i> Tanom, Panduan Guru	215
4.16	Muka Hadapan Modul 2: <i>Sundait</i> Tanom, Kegunaan Pelajar	216



SENARAI SINGKATAN

%	Peratus
BKD	Bahasa Kadazan Dusun
f	Frekuensi
IPG	Institut Perguruan
M-KOKAS	Modul Kosa Kata <i>Sundait</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia



SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Analisis Keperluan
- B Penilaian Instrumen Soal Selidik Analisis Keperluan
- C Surat Lantikan Pakar Fasa Analisis Keperluan
- D Surat Pengesahan Pelajar Untuk Menjalankan Kajian
- E Surat Kelulusan Pelajar Untuk Menjalankan Kajian-PPD
- F Surat Kelulusan Pelajar Untuk Menjalankan Kajian-Eprd
- G Analisis Data Bagi Keperluan Pembangunan M-Kokas
- H Borang A: Soal Selidik Kesahan Kandungan Instrumen Penilaian Modul M-Kokas
- I Borang B: Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul M-Kokas
- J Surat Lantikan Pakar A- Kesahan Instrumen Penilaian Kandungan Modul
- K Surat Lantikan Pakar B-Kesahan Kandungan Modul
- L Surat Permohonan dan Persetujuan Informan
- M Inventori Protokol Temu Bual
- N Komen dan Cadangan Penambahbaikan oleh Pakar



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan teras utama dalam kemajuan sesebuah negara. Sistem pendidikan yang berkualiti memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, dan berkemahiran, serta mampu mencetuskan kreativiti dan inovasi bagi menyumbang kepada kemajuan ekonomi, sosial, dan teknologi. Di samping itu, pendidikan melahirkan masyarakat yang berfikiran kritis, bertanggungjawab, dan beretika. Tambahan pula, semakin tinggi tahap pendidikan penduduk, semakin mudah untuk membentuk masyarakat yang mampu menghadapi cabaran global serta menyesuaikan diri dengan perubahan zaman. Ciri-ciri masyarakat seperti ini amat penting dalam memastikan kestabilan politik dan kemakmuran sesebuah negara.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menetapkan bahawa Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadi teras sistem pendidikan kebangsaan dengan menekankan pendidikan berterusan sebagai intipati utama bagi melahirkan masyarakat yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani





(KPM, n.d.). Program dan aktiviti pendidikan adalah berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kecemerlangan pendidikan bergantung kepada nilai yang terkandung dalam FPK, kurikulum yang berkualiti, serta pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan (Abdullah et al., 2020).

Di peringkat sekolah, khususnya dalam aspek PdP, guru memainkan peranan penting dalam membangunkan kemenjadian murid. Guru yang kompeten dapat menggunakan pelbagai strategi pengajaran bagi memastikan murid menguasai objektif pembelajaran berpandukan standard pembelajaran. Antara kaedah dan teknik PdP yang disarankan dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Semakan 2017 adalah seperti Didik Hibur, Penyelesaian Masalah, Pembelajaran Berasaskan Projek, Pembelajaran Koperatif, Pendekatan Inkuiri, Pembelajaran Luar Bilik Darjah, Pengajaran Bertema, dan Pendekatan STEM (KPM, 2016).

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan terancang merupakan aspek penting dalam membantu guru meningkatkan kefahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari. Menurut Noorazman Abd Samad et al. (2018), peranan BBM amat penting dalam menarik minat pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), sekali gus meningkatkan prestasi mereka.

Pada masa yang sama, guru juga perlu melakukan refleksi pada setiap penghujung sesi PdP bagi memastikan tiada pelajar tercicir dalam penguasaan ilmu atau gagal memahami apa yang diajarkan. Oleh itu, guru perlu membuat persediaan yang rapi sebelum PdP dilaksanakan serta merekodkan tindakan susulan dalam bahagian refleksi.





Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan salah satu rujukan utama bagi guru dalam membuat persediaan pengajaran dan pembelajaran (PdP), di samping pelbagai bahan lain seperti buku teks dan buku aktiviti. Dokumen ini mengandungi maklumat penting seperti reka bentuk kurikulum, bidang pembelajaran, elemen merentas kurikulum, serta pelaksanaan kurikulum (KPM., 2016).

Rajah 1.1 menunjukkan Kerangka KSSR (Semakan 2017) yang mengintegrasikan enam tunjang utama, merangkumi bidang ilmu, kemahiran, dan nilai, bagi melahirkan insan yang seimbang, berfikiran kritis, kreatif, serta inovatif. Tunjang komunikasi mendahului tunjang lain, seperti kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika, serta sains dan teknologi. (KPM, 2016).



Tunjang komunikasi menekankan kemahiran berkomunikasi yang perlu dikuasai oleh pelajar, sama ada secara lisan atau bukan lisan. Kemahiran ini penting untuk pemerolehan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan nilai dalam lima tunjang yang lain. Sebagai medium komunikasi, bahasa memainkan peranan penting dalam interaksi sosial (KPM, 2016).



Rajah 1.1

Kerangka KSSR (Semakan 2017) (Sumber daripada KPM, 2016)



Dalam konteks yang lebih luas, komunikasi melalui bahasa sebagai medium utama memainkan peranan penting, terutamanya dalam pemeliharaan dan kelangsungan bahasa sesuatu kaum. Melalui komunikasi, penggunaan bahasa berlaku secara aktif dan berterusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan cerminan jati diri dan identiti sesuatu bangsa. Kewujudan sesuatu kaum selari dengan kewujudan bahasa mereka. Bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai medium pemeliharaan warisan budaya dan



penyatuan masyarakat. Justeru, usaha melestarikan bahasa harus diperkasakan, terutamanya melalui bidang pendidikan.

1.2.1 Sejarah dan Perkembangan Pengajaran Bahasa Kadazandusun (BKD)

Pengajaran subjek Bahasa Kadazandusun (BKD) di sekolah rendah telah dimulakan secara rasmi pada 17 Februari 1997 sebagai satu langkah signifikan dalam memastikan kelangsungan bahasa dan identiti kaum Kadazandusun melalui pendidikan formal. Keputusan mesyuarat pertama pada 25 Januari 1995 telah menetapkan bahawa subjek BKD akan dilaksanakan sebagai mata pelajaran Bahasa Ibunda Pelajar atau *Pupils' Own Language (POL)* (Evelyn Annol & Mary Teresa Kinajil, 2014). Subjek ini tertakluk di bawah Akta Pelajaran 1961, sama seperti mata pelajaran Bahasa Cina, Bahasa Tamil, dan Bahasa Iban.

Pada peringkat awal pelaksanaan, 15 buah sekolah rendah di beberapa daerah terpilih telah menawarkan subjek ini, melibatkan seramai 610 murid Tahun Empat. Selanjutnya, pembelajaran BKD diperluas ke daerah-daerah lain pada tahun 1998, dengan syarat kelas BKD hanya akan dibuka sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid Kadazandusun yang memohon untuk mengikuti kelas tersebut (Kiting & Sintian, 2019). Menjelang tahun 1999, peluasan sepenuhnya telah dilaksanakan di seluruh negeri Sabah.

Seiring dengan perkembangan ini, proses penggubalan kurikulum bagi subjek BKD dimulakan pada tahun 1995, di mana format BKD digubal mengikut Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Sukatan pelajaran pula disusun sejajar dengan Sukatan





Pelajaran Bahasa Inggeris yang bersifat komunikatif (Evelyn Annol & Mary Teresa Kinajil, 2014).

1.2.2 Transformasi Kurikulum BKD

Pada tahun 1999, satu semakan semula kurikulum telah dilaksanakan berdasarkan maklum balas daripada program rintis serta keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Seterusnya, transformasi pendidikan pada tahun 2010 memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), yang turut melibatkan beberapa penambahbaikan dalam subjek BKD.

Dokumen KSSR BKD telah digubal pada tahun 2010 dan mula dilaksanakan pada tahun 2011. Antara perubahan utama yang diperkenalkan ialah:

- i. Subjek BKD diajar bermula dari Tahun Satu dengan peruntukan masa 90 minit seminggu, dikurangkan daripada 120 minit seminggu sebelum ini.
- ii. Jadual pengajaran dan pembelajaran BKD dimasukkan ke dalam jadual induk sekolah, berbanding sebelum ini yang diajar di luar waktu jadual.
- iii. BKD dikategorikan sebagai mata pelajaran elektif, iaitu bahasa pilihan selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Sehingga tahun 2014, kurikulum Bahasa Kadazandusun telah mengalami empat kali perubahan, selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menghadapi cabaran globalisasi (Evelyn Annol & Mary Teresa Kinajil., 2014).





Usaha pemerksaan aspek pengajaran dan pembelajaran BKD oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (BPK) (Tasin et al., 2018) telah dilaksanakan secara berterusan. Selain memberi latihan dan kursus kepada guru-guru BKD, BPK juga menerbitkan bahan pembelajaran yang berkaitan. Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR BKD, yang diterbitkan oleh BPK, menjadi rujukan utama bagi guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP).

1.2.3 Struktur Kurikulum BKD dan Fokus Pembelajaran

Kurikulum BKD disusun secara modular, dengan memberi penekanan kepada kemahiran bahasa, sistem bahasa dan kelestarian tradisi serta warisan budaya kaum Kadazandusun. Seperti mata pelajaran lain, KSSR BKD yang mula dilaksanakan secara berperingkat pada tahun 2011 telah disemak semula sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar setaraf dengan standard antarabangsa (KPM, 2018).

DSKP KSSR BKD (Semakan 2017) menekankan lima modul utama dalam menjemlakan enam tunjang kerangka KSSR bagi melahirkan modal insan yang seimbang. Enam tunjang utama KSSR ialah komunikasi; perkembangan fizikal dan estetika; kemanusiaan; keterampilan diri; sains dan teknologi; serta kerohanian, sikap dan nilai.

Modul dalam DSKP KSSR BKD adalah seperti berikut:



- i. Mendengar dan Bertutur (*Mokonongou om Mimboros*)
- ii. Membaca (*Mambasa*)
- iii. Menulis (*Monuat*)
- iv. Seni Bahasa (*Kolumison Boros*)
- v. Tatabahasa (*Puratan Boros*)

Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa Kadazandusun (BKD), kemahiran komunikasi ditekankan sebagai elemen utama dalam pemerolehan ilmu serta medium interaksi sosial (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2017). Aspek komunikasi diintegrasikan dalam setiap mata pelajaran melalui teknik soal jawab, perbincangan berpasangan, lakonan ringkas dan aktiviti lisan lain yang merangsang murid bertutur secara aktif.

Empat kemahiran asas—mendengar, bertutur, membaca dan menulis—merupakan teras kepada Tunjang Komunikasi dalam kerangka KSSR. Keempat-empat komponen ini saling berkait: kemahiran mendengar membina pemahaman, bertutur mengukuhkan ekspresi, membaca memperluas pengetahuan dan menulis memantapkan struktur bahasa serta pemilihan kosa kata yang tepat.

Oleh itu, penguasaan kosa kata yang luas menjadi prasyarat utama untuk memperkukuh semua kemahiran bahasa tersebut. Standard pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) BKD (Semakan 2017) menekankan lima modul utama untuk menilai kompetensi kosa kata murid, seperti berikut:



a Mendengar dan Bertutur (*Mokonongou om Mimboros*)

Melatih murid memahami pelbagai ragam pertuturan, memberi respons verbal dan nonverbal yang sesuai, serta menerapkan kosa kata baharu dalam dialog harian dan aktiviti komunikasi bilik darjah.

b Membaca (*Mambasa*)

Menyokong kefahaman teks pelbagai genre—berita, artikel, cerita dan puisi dengan menekankan strategi konteks, inferens dan perbendaharaan kata lanjutan bagi meningkatkan kebolehan menganalisis makna tersirat.



c Menulis (*Monuat*)

Menggalakkan murid membina ayat dan perenggan koheren berdasarkan bahan rangsangan, menyusun idea secara sistematik serta menggunakan kosa kata tepat dan struktur tatabahasa yang gramatis dalam tugas penulisan kreatif dan berstruktur.

d Seni Bahasa (*Kolumison Boros*)

Mendedahkan murid kepada unsur kesusasteraan tradisional seperti sudawil (pantun), sisindiron (sajak), tangon (cerita rakyat) dan *sundait* (teka-teki) melalui latihan kreatif, sekali gus memperkasa ekspresi estetik.





e **Tatabahasa (*Puralan Boros*)**

Membantu murid memahami peraturan struktur ayat, jenis perkataan dan pembentukan frasa dengan tepat, sambil menekankan aplikasi kosa kata dalam konteks tatabahasa yang betul untuk komunikasi lisan dan tulisan.

Kesimpulannya, penguasaan kosa kata yang mantap bukan sahaja memperkukuh kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, malah menyokong penghayatan kesusasteraan dan ketepatan tatabahasa. Ia merupakan asas penting bagi pembangunan kompetensi komunikasi murid secara menyeluruh.

1.2.4 **Kepentingan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam PdP BKD**

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penggunaan BBM memainkan peranan penting dalam meningkatkan keberkesanan PdP. Ia digambarkan sebagai satu peranti yang digunakan ketika PdP yang memiliki ciri-ciri tertentu kerana penyediaannya bermotif meningkatkan kefahaman murid dalam sesuatu PdP (Sani et al., 2024). Menurut Isa dan Mohd Imam Ma'arof (2018), Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) merujuk kepada sebarang kelengkapan yang digunakan dalam pengajaran, termasuk bahan yang boleh dilihat, didengar, dipegang, dibaca, dikisahkan, dihidu, serta lain-lain yang dapat digunakan untuk membantu proses pembelajaran. Dalam konteks PdP BKD, kepentingan penggunaan bahan dalam PdP adalah seperti berikut:





a Meningkatkan kefahaman murid

Penggunaan bahan bantu seperti kad imbasan, buku cerita dan video interaktif memudahkan murid memahami konsep bahasa dengan lebih jelas.

b Merangsang minat dan motivasi pelajar

Bahan menarik seperti sudawil (pantun), sisindiron (sajak), tangon (cerita rakyat) dan *sundait* (teka-teki) dapat menarik perhatian murid serta menggalakkan penglibatan aktif dalam kelas.

c Memperkayakan pengalaman pembelajaran



Bahan autentik seperti rakaman audio perbualan dalam Bahasa Kadazandusun membantu murid menguasai sebutan dan intonasi dengan lebih baik, sekaligus mendekati mereka kepada situasi komunikasi sebenar.

d Mempercepat penguasaan kemahiran bahasa

Kombinasi bahan visual dan audio memudahkan murid mengingat kosa kata dan struktur ayat, sekaligus mempercepat proses pembelajaran dan aplikasi bahasa.





e **Menyokong keberkesanan strategi pengajaran guru**

Kepelbagaian bahan membolehkan guru menerapkan teknik seperti simulasi, lakonan dan perbualan berstruktur mengikut keperluan pelajar, sekaligus meningkatkan keberkesanan proses PdP.

1.2.5 Ringkasan Latar Belakang Kajian

Sub-bab ini telah mengupas tentang sejarah perkembangan kurikulum BKD, transformasi bahan bantu pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta pentingnya pendekatan seperti soal jawab, teka-teki, dan lakonan dalam merangsang minat murid terhadap bahasa serta meningkatkan penguasaan mereka (Norjietta Taisin, 2004).



Berdasarkan tinjauan tersebut, kajian ini seterusnya memberi tumpuan terhadap aspek penguasaan kosa kata dalam kalangan murid sekolah rendah, khususnya dalam konteks pencapaian kemahiran komunikasi merangkumi modul Mendengar dan Bertutur, Membaca, Menulis, Seni Bahasa serta Tatabahasa yang terdapat dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR BKD.

1.3 Pernyataan Masalah

Bahasa Kadazandusun (BKD) merupakan salah satu bahasa etnik utama di Sabah yang diajar dalam sistem pendidikan formal di peringkat sekolah rendah sebagai usaha pemeliharaan bahasa (KPM, 2018). Murid yang mempelajari BKD berasal daripada pelbagai latar belakang dialek seperti Rungus, Tangara, dan Sungai. Namun,





kepelbagaian dialek ini mewujudkan cabaran dalam penguasaan kosa kata BKD, khususnya apabila dialek Bunduliwan digunakan sebagai pemiawai dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Terdapat pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam pemantapan BKD dalam bidang pendidikan, terutamanya dalam menjadikannya sebagai bahasa komunikasi yang digunakan bersama sebagai bahasa perpaduan dan interaksi sosial dalam masyarakat rumpun Kadazandusun (Kiting & Sintian, 2019). Walaupun BKD diajar dalam sistem pendidikan formal, masih wujud kebimbangan dalam kalangan ibu bapa terhadap tahap penguasaan komunikasi anak-anak mereka dalam bahasa ini. Rosliah et al. (2019) melaporkan bahawa terdapat ibu bapa yang bimbang kerana anak mereka masih tidak dapat bertutur dengan lancar dalam BKD walaupun telah mempelajarinya sejak sekolah rendah hingga ke sekolah menengah.

Selanjutnya, Rosliah et al. (2019) menekankan peranan ibu bapa dalam menggalakkan penggunaan bahasa Kadazandusun. Namun, kajian menunjukkan bahawa peranan ibu bapa dalam menggalakkan penggunaan bahasa Kadazandusun masih belum mencapai tahap yang efektif. Menurut Rosliah et al. (2019), usaha ibu bapa dalam memperkenalkan bahasa ini kepada anak-anak masih kurang, menyebabkan kanak-kanak etnik Kadazandusun tidak berpeluang menguasai bahasa ini sebagai bahasa pertama. Hal ini selari dengan kajian Hanifah Sabin dan Lorrendah Joseph (2021) yang menyatakan bahawa bahasa Kadazandusun semakin kurang digunakan dalam komunikasi harian di rumah.





Kekurangan kosa kata merupakan faktor utama yang menyukarkan komunikasi dalam BKD. Kajian oleh Tracy Valerian, Norjietta Taisin, dan Pujiati Suyata (2020) melaporkan bahawa kosa kata yang tidak mencukupi boleh menghalang pemahaman terhadap bahasa tersebut dalam bentuk teks bertulis, mengganggu komunikasi semasa sesi PdP, serta menjejaskan penguasaan kemahiran bahasa yang lain. Keterampilan berbahasa kanak-kanak berkait rapat dengan jumlah dan kualiti kosa kata yang mereka kuasai. Namun, terdapat cabaran dalam memastikan peningkatan kosa kata pelajar berlaku secara efektif, terutamanya dalam konteks pembelajaran di bilik darjah. Henry Guntur Tarigan (1984) menekankan bahawa peranan guru bahasa adalah penting dalam memperkaya kosa kata pelajar. Walau bagaimanapun, guru sering berdepan dengan kekurangan bahan pengajaran yang sesuai dan mencukupi, selain kurangnya strategi pengajaran yang berkesan. Keadaan ini boleh menjejaskan perkembangan kosa kata pelajar dan seterusnya mempengaruhi kemahiran berbahasa mereka.

Dalam konteks pembelajaran BKD, cabaran ini menjadi lebih kompleks disebabkan oleh penggunaan dialek Bunduliwan sebagai piawai. Kosa kata dialek Bundu dan Liwan, yang digabungkan menjadi Bunduliwan, telah digunakan sebagai piawai bagi subjek BKD, bukan sahaja dalam PdP tetapi juga dalam buku teks dan buku aktiviti (Norjietta Taisin & Tracy Valerian, 2020). Namun, beberapa kajian lepas melaporkan bahawa pelajar menghadapi kesukaran dalam menguasai kosa kata Bunduliwan. Kadazan Society Sabah (KSS), seperti yang dipetik dalam Rosliah et al. (2019), menyatakan bahawa terdapat ketidakselarasan dalam ejaan yang digunakan dalam penerbitan buku teks, selain kosa kata yang sukar difahami. Kesukaran pelajar BKD dalam menguasai subjek tersebut, khususnya dari segi kosa kata berasaskan dialek Bunduliwan, turut dinyatakan dalam kajian Norjietta Taisin dan Tracy Valerian





(2020). Selain itu, kajian oleh Rosliah et al. (2019) melaporkan bahawa variasi bahasa atau dialek etnik Kadazandusun di daerah yang bukan penutur dialek Bunduliwan menjadi halangan dalam PdP.

Dalam jangka panjang, penurunan penguasaan kosa kata dan komunikasi dalam BKD boleh membawa kesan kepada kelangsungan bahasa ini. Lazimnya, kelangsungan sesuatu bahasa bergantung kepada jumlah penutur yang masih mampu bertutur dalam bahasa tersebut, termasuk BKD. Sasse (1990), seperti yang dipetik dalam Sator et al. (2019), melaporkan bahawa lebih separuh daripada bahasa di dunia telah hilang sejak 500 tahun yang lalu. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa etnik terbesar di Sabah, iaitu Kadazandusun dan Bajau, mengalami penurunan jumlah penutur dari semasa ke semasa.



Aspek pemantapan BKD dalam pendidikan sewajarnya turut dipertimbangkan dari segi penyediaan bahan sokongan PdP yang mencukupi, di samping mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif. Mantan Setiausaha Agung KDCA, Datuk Wilfred Bumburing (Daily Express, 29 September 2018), seperti yang dipetik dalam Henry Bating (2018), menyatakan bahawa subjek BKD menghadapi kekurangan bahan pembelajaran serta terhadapnya jumlah waktu pembelajaran di sekolah. Selain itu, Nojietta Julita Taisin (2018) turut melaporkan bahawa kekurangan sumber rujukan dan bahan pengajaran BKD menjadi kekangan bagi guru-guru BKD dalam menggunakan bahan bantu mengajar (BBM).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk membangunkan modul pengajaran kosa kata berasaskan *sundait* (teka-teki) dalam Bahasa Kadazandusun untuk sekolah rendah, bagi





meningkatkan penguasaan kosa kata BKD serta menambah sumber rujukan pengajaran BKD. Sehubungan itu, bagi meningkatkan tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan murid, kajian ini menekankan keperluan pembangunan modul pengajaran kosa kata yang boleh dijadikan bahan rujukan serta panduan bagi guru dan murid. Pembangunan modul ini diharapkan dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran, sekali gus memperkukuh penguasaan kosa kata sebagai asas kepada pemerolehan lima kemahiran utama dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), iaitu kemahiran Mendengar dan Bertutur (Mokonongou om Mimboros), Membaca (Mambasa), Menulis (Monuat), Seni Bahasa (Kolumison Boros), dan Tatabahasa (Puralan Boros).

Bagi menjadikan modul kosa kata ini lebih menarik dan berkesan, unsur didik hibur turut diterapkan melalui penggunaan teka-teki (*sundait*). Penerapan teka-teki dalam modul ini diharapkan dapat menarik minat murid terhadap pembelajaran kosa kata serta mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Selain itu, pendekatan ini juga berpotensi menyumbang kepada kelestarian seni warisan teka-teki (*sundait*) dalam kalangan generasi muda. Dengan adanya modul ini, diharapkan ia dapat menjadi salah satu pendekatan inovatif dalam pengajaran kosa kata, seterusnya membantu mengatasi cabaran dalam penguasaan kosa kata dalam kalangan murid sekolah rendah.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Modul Pengajaran Kosa Kata Bersumberkan *Sundait* (Teka-teki) Bahasa Kadazandusun untuk Sekolah Rendah





berasaskan kepada Model ADDIE oleh Rosset (1987) diselarikan kepada tiga (3) fasa pembangunan yang diperkenalkan oleh Saedah et al., (2021) iaitu fasa 1: Analisis keperluan, fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan dan fasa 3: Penilaian. Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini ialah seperti berikut;

- i. Mengenalpasti keperluan pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata Bersumberkan *Sundait* Bahasa Kadazandusun Untuk Sekolah Rendah.
- ii. Membangunkan Modul Pengajaran Kosa Kata Bersumberkan *Sundait* Bahasa Kadazandusun Untuk Sekolah Rendah berdasarkan Model ADDIE.
- iii. Menganalisis kebolegunaan Modul Pengajaran Kosa Kata Bersumberkan *Sundait* Bahasa Kadazandusun Untuk Sekolah Rendah.



1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian, maka soalan kajian bagi penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah keperluan pembangunan Modul Pengajaran Kosa Kata *Sundait* di peringkat sekolah rendah?
- ii. Bagaimanakah Modul Pengajaran Kosa Kata *Sundait* Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah rendah dibangunkan berdasarkan Model ADDIE?
- iii. Bagaimanakah kebolegunaan Modul Pengajaran Kosa Kata *Sundait* Bahasa Kadazandusun di peringkat sekolah rendah?





1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2021), kerangka penyelidikan berfungsi sebagai panduan kepada penyelidik dalam menjalankan kajian dan menangani masalah kajian. Kerangka penyelidikan yang dibentuk daripada pemboleh ubah dan didefinisikan secara operasional dikenali sebagai kerangka konseptual. Kerangka konseptual bukan sahaja memaparkan gambaran keseluruhan pemboleh ubah kajian, tetapi juga merangkumi dimensi serta konstruk kajian (Suffian Jalet & Jamal Yunus, 2021). Selain itu, kerangka konseptual turut menjelaskan hubungan antara konsep-konsep utama yang berkaitan secara langsung dengan masalah kajian (Chua Yan Piaw, 2021).

Menurut Norfishah Mat Rabi (2022), pembinaan kerangka konseptual boleh dirangka berdasarkan pernyataan masalah kajian. Mengaplikasikan pendekatan ini, pengkaji telah merangka kerangka konseptual dengan berpandukan soalan-soalan kajian yang telah diterbitkan daripada pernyataan masalah (McMillan & Schumacher dalam Juppri Bacotang, 2019). Modul ini menerapkan aktiviti teka-teki (*sundait*) sebagai strategi didik hibur dalam pembelajaran kosa kata. Penerapan *sundait* dalam PdP sebagai kaedah didik hibur dapat merangsang minat dan sikap positif pelajar terhadap pembelajaran (KPM, 2016).

Janathan et al. (2016) menyatakan bahawa penciptaan *sundait* Kadazandusun boleh dikategorikan kepada beberapa tema, antaranya:

- i. Alam ghaib dan kepercayaan,
- ii. Adat,
- iii. Abstraksi,





- iv. Alam,
- v. Tumbuh-tumbuhan, peralatan dan aktiviti pertanian,
- vi. Binatang,
- vii. Tempat tinggal, aktiviti dan kehidupan seharian, dan
- viii. Diri manusia.

Dalam kajian ini, pengkaji memilih untuk membangunkan dua modul bertemakan binatang (Tayam) dan tumbuhan (Tanom). Pemilihan dua tema ini disandarkan kepada teori pembelajaran bahasa kedua, iaitu Teori Piaget (1954) dan Teori Vygotsky (1978).

1.6.1 Landasan Teori



Menurut Teori Piaget (1954), kanak-kanak memperoleh pengetahuan melalui interaksi dengan persekitaran yang dapat memperkayakan pengalaman serta pengetahuan sedia ada mereka. Pemilihan tema binatang dan tumbuhan adalah bersesuaian kerana kedua-dua elemen ini bersifat dekat dengan dunia pelajar. Hal ini membolehkan proses asimilasi dan akomodasi berlaku dengan lebih berkesan dalam pembelajaran skema bahasa.

Sementara itu, Teori Vygotsky (1978) pula menekankan bahawa pola pemikiran individu dipengaruhi oleh institusi kebudayaan dan aktiviti sosial dalam masyarakat. Pemilihan tema Tanom dan Tayam adalah relevan kerana kedua-duanya merupakan elemen penting dalam budaya masyarakat Kadazandusun, yang berkait rapat dengan





kegiatan ekonomi yang diwarisi secara turun-temurun. Penggunaan tema ini dalam PdP dapat memupuk interaksi sosial yang aktif dalam pembelajaran kosa kata baharu.

Selain itu, konsep Zon Perkembangan Proksimal (ZPP) yang diperkenalkan oleh Vygotsky juga diterapkan dalam modul ini, di mana pelajar dapat beralih daripada tahap pemahaman sedia ada kepada tahap pemahaman baharu dengan bimbingan guru.

Pemilihan teori pembelajaran bahasa kedua ini adalah sejajar dengan pengajaran Bahasa Kadazandusun (BKD) sebagai bahasa kedua di sekolah. Kandungan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR BKD juga disusun berdasarkan teori pemerolehan bahasa kedua, yang berfungsi sebagai asas dalam pembangunan struktur dan kandungan modul pada Fasa 2 iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan. Tambahan pula, teori Piaget dan Vygotsky memainkan peranan penting dalam kajian hubungan bahasa dan pemikiran, khususnya dalam perkembangan kosa kata serta kemampuan kognitif pelajar.

1.6.2 Model Pembangunan Modul

Pembangunan modul M-KOKAS menggunakan Model ADDIE yang diperkenalkan oleh Rossett (1987) kerana ia mempunyai struktur yang sistematik dan fleksibel. Dalam kajian ini Model ADDIE yang asalnya mempunyai lima fasa telah diubah suai kepada tiga fasa seperti yang dicadangkan oleh Saedah et al. (2021). Pengubahsuaian ini membahagikan model kepada Fasa 1: A (Analisis), Fasa 2: DD (Reka Bentuk dan Pembangunan), dan Fasa 3: IE (Implementasi dan Penilaian). Setiap fasa ADDIE





memaparkan kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan data bagi menjawab soalan kajian.

a Fasa 1: Analisis Keperluan

Fasa ini melibatkan kajian tinjauan, analisis dokumen, dan tinjauan literatur bagi mengenal pasti keperluan pembangunan modul, keperluan kandungan serta aspek penerapan *sundait* dalam PdP.

b Fasa 2: Reka Bentuk dan Pembangunan

Dalam fasa ini, pelbagai elemen pembangunan modul dirangka, termasuk matlamat pembangunan, struktur modul, bentuk modul, serta kaedah penerapan *sundait* dalam PdP. Setelah modul dibangunkan, penilaian formatif dijalankan dengan melibatkan semakan pakar bagi memperoleh kesahan kandungan (CVI). Konsep scaffolding dalam teori Vygotsky diterapkan dalam fasa ini, di mana pakar bertindak sebagai orang dewasa berpengetahuan untuk memberi bimbingan dalam penambahbaikan draf modul.

c Fasa 3: Implementasi dan Penilaian

Modul M-KOKAS melalui penilaian sumatif bagi menilai kebolegunaan modul setelah diuji dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebenar oleh guru-guru BKD. Kaedah temu bual dengan guru-guru BKD dilaksanakan selepas penggunaan modul dalam PdP bagi menilai kebolegunaan modul dalam pengajaran kosa kata BKD. Fasa ini juga membolehkan pengkaji melihat keberkesanan konsep interaksi sosial dalam





teori Vygotsky, yang menekankan pengembangan kosa kata melalui aktiviti *sundait* dalam PdP bahasa kedua.


1.6.3 Kesimpulan

Kesimpulannya, kerangka konseptual kajian ini mengintegrasikan teori pembelajaran Piaget dan Vygotsky dengan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (PRP) yang menggunakan model ADDIE sebagai asas pembangunan modul. Penilaian yang dijalankan bertujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai kebolegunaan modul dalam membantu guru melaksanakan PdP kosa kata BKD secara lebih berstruktur dan menarik. Keseluruhan proses ini dirangka dalam satu kerangka konseptual yang menggabungkan landasan teori, pendekatan reka bentuk, serta prosedur pembangunan modul seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.2

Kerangka Konseptual Kajian



Diadaptasi dan diubah suai daripada Sumaiyah Sulaiman et al. (2020)

Nota: Model ADDIE diubah suai kepada tiga fasa berdasarkan pendekatan PRP yang dicadangkan oleh Saedah et al. (2021).

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian pembangunan modul pengajaran kosa kata *sundait* (teka-teki) bahasa kadazandusun di peringkat sekolah rendah membawa pelbagai kepentingan dari aspek pelestarian bahasa, pendidikan, sosiobudaya, serta memberi sumbangan kepada pelajar, guru, ibu bapa dan penyelidik. Kajian ini diusahakan sebagai salah satu inisiatif untuk memperkukuh kedudukan bahasa Kadazandusun dalam kalangan generasi muda dan menyokong kelangsungan warisan budaya etnik.



1.7.1 Kepentingan terhadap Pelestarian Bahasa

Bahasa Kadazandusun (BKD) merupakan antara bahasa etnik yang kini berhadapan cabaran akibat penyusutan jumlah penutur. Sasse (1990), seperti yang dipetik dalam Sator et al. (2019), melaporkan bahawa lebih separuh daripada bahasa di dunia telah pupus dalam tempoh lima abad yang lalu. Dalam konteks ini, pembangunan modul ini berperanan sebagai salah satu inisiatif ke arah usaha pemeliharaan bahasa melalui pendidikan yang sistematik dan menarik.

1.7.2 Kepentingan terhadap Sistem Pendidikan

Pengajaran BKD secara formal di sekolah rendah telah berlangsung lebih dua dekad, namun isu kekurangan bahan bantu mengajar dan sumber rujukan masih berlarutan. Seperti yang dilaporkan oleh Datuk Wilfred Bumburing (Daily Express, 2018) dan Nojietta Julita Taisin (2018), sumber yang ada masih tidak mencukupi. Maka, modul ini dijangka dapat melengkapkan keperluan tersebut dengan menyediakan bahan yang sesuai dan efektif dalam konteks bilik darjah.

1.7.3 Kepentingan terhadap Sosiobudaya

Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, malah menjadi asas kepada jati diri dan warisan sesebuah komuniti. Kajian oleh Kiting dan Sintian (2019) menunjukkan bahawa penggunaan BKD sebagai bahasa ibunda semakin berkurangan dalam komunikasi harian masyarakat. Justeru, melalui pembangunan modul ini, pelajar yang menggunakannya akan lebih mahir dalam BKD, dan diharapkan dapat menjadi agen





penyebaran bahasa ini dalam keluarga dan komuniti mereka. Penguasaan BKD dalam kalangan generasi muda ini secara berperingkat diyakini dapat memperkukuh identiti budaya etnik Kadazandusun.

1.7.4 Kepentingan kepada Pelajar

Penguasaan kosa kata merupakan asas penting dalam penguasaan bahasa secara menyeluruh. Valerian, Taisin dan Suyata (2020) melaporkan bahawa kekurangan kosa kata menyukarkan pemahaman teks bertulis dan komunikasi dalam PdP. Maka, melalui pendekatan *sundait* yang bersifat menyeronokkan dan mendorong penglibatan pelajar secara aktif, pelajar daripada pelbagai latar dialek dijangka dapat menguasai kosa kata piawai Bunduliwan dengan lebih berkesan. Modul ini juga dapat digunakan sebagai bahan sokongan yang memudahkan ulang kaji sendiri serta pembelajaran kendalian guru di dalam bilik darjah.

1.7.5 Kepentingan kepada Guru

Kepelbagaian dialek dalam kalangan pelajar merupakan antara cabaran utama dalam pengajaran BKD. Rosliah et al. (2019) menekankan bahawa variasi bahasa antara daerah menyukarkan penyampaian PdP yang seragam. Dalam hal ini, pembangunan modul ini berpotensi menjadi bahan bantu mengajar yang seragam dan bersesuaian dengan dialek piawai Bunduliwan, sekali gus membantu guru menyampaikan isi pengajaran dengan lebih berkesan.





1.7.6 Kepentingan kepada Ibu Bapa

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menggalakkan penggunaan BKD di rumah. Namun, menurut Hanifah Sabin dan Lorrendah Joseph (2021), kanak-kanak Kadazandusun kini kurang menjadikan BKD sebagai bahasa pertama. Oleh itu, modul ini berpotensi menjadi panduan praktikal kepada ibu bapa dalam usaha menyokong pembelajaran kosa kata anak-anak di luar bilik darjah.

1.7.7 Kepentingan kepada Penyelidik

Kajian ini turut membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan dalam bidang pembangunan bahan pengajaran bahasa. Model ADDIE yang disesuaikan dalam tiga fasa pembangunan (Saedah et al., 2021) boleh dijadikan asas kepada kajian seterusnya. Selain itu, pendekatan *sundait* sebagai elemen didik hibur turut memberi inspirasi kepada inovasi baharu dalam pengajaran kosa kata bahasa etnik.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di peringkat sekolah rendah di negeri Sabah memandangkan pengajaran subjek BKD memang hanya dilaksanakan di Sabah sahaja. Walaupun kajian ini terhad dari segi lokasi iaitu hanya di negeri Sabah, ini tidak menjadi batasan besar memandangkan pengajaran subjek BKD memang hanya dilaksanakan di Sabah sahaja.

Kajian tinjauan dilaksanakan pada fasa analisis keperluan terhadap 59 guru BKD sekolah rendah di daerah Penampang. Pada fasa implementasi dan penilaian pula,





hanya tiga orang guru BKD sekolah rendah di daerah yang sama dipilih sebagai informan. Bilangan sampel yang terhad ini mungkin tidak mewakili keseluruhan populasi guru BKD di seluruh negeri Sabah.

Kajian ini melibatkan pembangunan modul bagi dua tema sahaja iaitu Tema Tayam (haiwan) dan Tema Tanaman (Tumbuhan). Dengan merujuk kepada Model Pengelasan teka-teki berasaskan struktur oleh Georges dan Dundes (1963, seperti yang dipetik dalam Kandok & Low, 2016), pengkaji menerapkan *sundait* dari kelompok *non-oppositional* (teka-teki tanpa unsur pertentangan) dalam kelompok teka-teki jenis literal (bukan bersifat metaforikal). Pemilihan jenis *sundait* ini adalah berdasarkan kepada kesesuaian tahap kognitif kanak-kanak sekolah rendah yang memerlukan penyampaian maklumat secara langsung dan mudah difahami, tanpa melibatkan pertentangan konsep atau penggunaan metafora yang kompleks.

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berasaskan soal selidik dan analisis dokumen pada fasa analisis keperluan, manakala pada fasa implementasi dan penilaian pula menggunakan inventori protokol temu bual soalan berstruktur bagi mendapatkan data kebolegunaan modul.

Kajian ini merupakan kajian pembangunan berasaskan model ADDIE. Oleh itu, proses dan dapatan kajian adalah spesifik kepada pendekatan reka bentuk instruksional ini. Pengkaji telah menyesuaikan Model ADDIE dalam tiga fasa pembangunan seperti yang dicadangkan oleh Saedah et al. (2021), iaitu fasa analisis keperluan, fasa pembangunan modul, dan fasa penilaian. Pendekatan ini memberi batasan terhadap





metodologi kajian kerana hasil dapatan mungkin berbeza sekiranya model reka bentuk instruksional yang lain digunakan.

1.9 Definisi Operasional

Bahagian ini menghuraikan beberapa istilah khusus yang digunakan dalam kajian ini. Penjelasan yang diberikan bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan dan memastikan keseragaman makna sepanjang proses pelaksanaan kajian ini dijalankan. Definisi operasional ini berfungsi sebagai rujukan dalam mentafsir konsep-konsep utama yang menjadi tunjang kepada kajian ini.



Dalam kajian ini, pembangunan modul pengajaran merujuk kepada satu proses sistematik yang melibatkan perancangan, mereka bentuk, pembinaan, pelaksanaan dan penilaian bahan pengajaran yang dinamakan Modul Kosa Kata *Sundait* (M-KOKAS). Proses pembangunan ini berpandukan lima fasa utama dalam Model ADDIE, iaitu Analisis, Reka Bentuk, Pembangunan, Pelaksanaan dan Penilaian (Branch, 2009).

M-KOKAS dibina khusus untuk meningkatkan penguasaan kosa kata Bahasa Kadazandusun (BKD) dalam kalangan murid sekolah rendah, khususnya murid Tahun 4 hingga Tahun 6 yang mengikuti mata pelajaran BKD sebagai bahasa ibunda (Program Bahasa Ibunda - POL). Modul ini menggunakan *sundait* (teka-teki) bergambar sebagai kaedah utama penyampaian. Setiap *sundait* disusun dengan jawapan berbentuk kosa kata tertentu yang merangkumi kategori kata nama, kata kerja dan kata adjektif.





Semasa menjawab teka-teki, sekiranya murid tidak memahami perkataan yang digunakan, mereka akan merujuk kepada daftar kosa kata yang disediakan di bahagian akhir modul. Daftar ini disusun dalam bentuk jadual yang memaparkan perkataan BKD bersama padanan maksud dalam Bahasa Melayu. Proses ini membantu murid mengenal makna perkataan dengan lebih mudah dan tersusun. Murid akan menyalin dan menghafal makna perkataan tersebut bagi membolehkan mereka menjawab teka-teki dengan betul, seperti menulis nama binatang, tumbuhan atau objek yang berkaitan.

Setelah kesemua teka-teki selesai dijawab, murid dijangka telah menguasai sejumlah kosa kata baharu. Dalam lembaran-lembaran seterusnya dalam modul, murid akan mengaplikasikan kosa kata yang telah mereka pelajari melalui pelbagai aktiviti lanjutan seperti melabel gambar, melengkapkan ayat dan menulis ayat lengkap.

Pendekatan ini membolehkan murid membina kefahaman makna kosa kata secara berperingkat—bermula daripada pengenalan dan hafalan sehinggalah kepada penggunaan dalam konteks bertulis. M-KOKAS juga disusun selaras dengan prinsip pedagogi KSSR (Semakan 2017) serta mengambil kira tahap perkembangan dan keperluan murid.

b Kosa Kata Bahasa Kadazandusun

Dalam konteks kajian ini, kosa kata merujuk kepada perbendaharaan kata dalam bahasa Kadazandusun piawai, iaitu dialek Bunduliwan, yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Kadazandusun (BKD) di sekolah rendah. Pemilihan kosa kata dalam modul M-KOKAS adalah berdasarkan kandungan Buku





Teks Bahasa Kadazandusun Tahun 4, 5 dan 6 (KSSR Semakan 2017), dengan tumpuan kepada tiga kategori utama iaitu kata nama, kata kerja, dan kata adjektif.

Modul ini menggunakan pendekatan berasaskan teka-teki bergambar sebagai aktiviti utama. Dalam aktiviti ini, murid dikehendaki menjawab teka-teki yang jawapannya merupakan kosa kata tertentu. Jika murid tidak memahami perkataan yang digunakan, mereka boleh merujuk kepada senarai kosa kata yang disediakan di bahagian akhir modul, yang memaparkan perkataan dalam Bahasa Kadazandusun berserta terjemahan dalam Bahasa Melayu. Melalui rujukan ini, murid akan memahami makna perkataan dalam konteks dua bahasa, menyalin dan menghafalnya untuk membantu proses penguasaan.



Setelah semua teka-teki diselesaikan, murid dijangka telah mengenal, memahami, dan mengingati sejumlah kosa kata yang baharu. Dalam lembaran-lembaran seterusnya, murid akan mengaplikasikan kosa kata tersebut melalui pelbagai aktiviti lanjutan seperti melengkapkan ayat, membina ayat, dan melabel gambar. Pendekatan ini bukan sahaja membantu murid memahami makna perkataan secara berstruktur, malah mendorong mereka menggunakan kosa kata secara aktif dalam konteks pembelajaran yang menyeronokkan dan bermakna. Maka, dalam kajian ini, penguasaan kosa kata merangkumi pemahaman makna dan keupayaan mengaplikasikan perkataan dalam pelbagai bentuk tugas bertulis.



c ***Sundait***

Dalam kajian ini, *sundait* merujuk kepada satu bentuk sastera lisan tradisional masyarakat Kadazandusun yang tergolong dalam kategori hiis atau puisi rakyat. *Sundait* biasanya disampaikan dalam bentuk dua baris rangkap yang mengandungi makna tersirat atau tersembunyi, menyerupai bentuk teka-teki berunsur puisi, yang memerlukan penafsiran daripada pendengar. *Sundait* diwarisi secara lisan dari satu generasi ke generasi berikutnya, dan memainkan peranan penting dalam mengekalkan nilai, kepercayaan, adat resam serta pandangan hidup masyarakat Kadazandusun (Janathan Kandok & Low Kok On, 2016).

Penggunaan *sundait* dalam M-KOKAS bukan sahaja bertujuan untuk memperkayakan kosa kata murid, malah berperanan sebagai wahana untuk menerapkan dan menghidupkan semula unsur warisan budaya dalam kalangan generasi muda secara tidak langsung. *Sundait* yang digunakan dalam kajian ini telah dipilih secara teliti berdasarkan tahap kesesuaian dan kefahaman murid sekolah rendah, khususnya murid Tahun 4 hingga Tahun 6, agar ia dapat difahami dan diaplikasikan secara berkesan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

d **Sekolah Rendah**

Sekolah rendah dalam konteks kajian ini merujuk kepada institusi pendidikan formal di bawah sistem pendidikan kebangsaan Malaysia yang merangkumi tempoh pembelajaran selama enam tahun, iaitu dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Murid yang mengikuti pendidikan di peringkat ini lazimnya berumur antara tujuh hingga dua belas tahun.



Namun demikian, fokus utama kajian ini adalah terhadap murid Tahun 4 hingga Tahun 6 sahaja. Pemilihan tahap ini adalah berdasarkan kesesuaian umur, kematangan kognitif serta penglibatan aktif murid dalam mata pelajaran Bahasa Kadazandusun sebagai bahasa ibunda (Program Bahasa Lain - POL) di sekolah. Perhatian khusus diberikan kepada kebolehan murid dalam memahami dan mengaplikasikan kosa kata dalam konteks budaya melalui penggunaan modul M-KOKAS yang dibangunkan khas untuk keperluan pengajaran di tahap ini.

1.10 Rumusan

Bab ini telah membentangkan asas dan hala tuju kajian mengenai pembangunan modul pengajaran kosa kata *sundait* BKD di peringkat sekolah rendah. Kajian ini bertujuan untuk membangunkan M-KOKAS melalui pencapaian tiga objektif utama iaitu untuk mengenal pasti keperluan pembangunan M-KOKAS, membangunkan M-KOKAS berdasarkan Model ADDIE dan menganalisis kebolehgunaan M-KOKAS. Kepentingan kajian ini terletak pada sumbangannya terhadap bidang pengajaran BKD di mana dapatan kajian dapat membantu pelajar, guru, ibu bapa dan pihak KPM dalam usaha pengembangan kosa kata BKD, pelestarian bahasa dan budaya serta amalan autentik dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya pembelajaran kosa kata.

Permasalahan kajian yang dikemukakan iaitu kegagalan pelajar dalam menguasai aspek komunikasi BKD dilihat dari cabaran menguasai kosa kata BKD yang disukarkan lagi oleh kekurangan bahan pembelajaran yang bersesuaian telah mendasari pembentukan persoalan kajian yang komprehensif. Kajian ini dibatasi oleh lokasi iaitu hanya di negeri Sabah khususnya di daerah Penampang, dan pembangunan modul



dibuat bagi dua tema sahaja iaitu Tema Tayam (haiwan) dan Tema Tanom (tanaman) dengan penerapan *sundait* yang mudah difahami sesuai kognitif murid iaitu *non-oppositional* dan bersifat literal untuk memastikan fokus dan kedalaman analisis yang mencukupi.

Pendekatan metodologi yang digunakan adalah berlandaskan teori pemerolehan bahasa kedua yang menyokong fasa-fasa pembangunan pada model ADDIE yang akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya. Bab 2 akan membincangkan sorotan literatur yang berkaitan dengan kajian-kajian terdahulu serta teori dan model yang menyokong kajian ini.